

18 JUN, 2025

Rasionalisasi RON95 langkah sebelum laksana cukai karbon

Berita Harian, Malaysia



Bisnes

Rabu, 18 Jun 2025
bhbiz&bh.com.my

Rakut berita di www.bharian.com.my

Rasionalisasi RON95 langkah sebelum laksana cukai karbon

Pembaharuan subsidi penting wujudkan asas ekonomi kukuh dan mampan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 yang dijadualkan pada separuh kedua tahun ini, adalah antara langkah awal yang diambil kerajaan sebelum melaksanakan cukai karbon pada tahun depan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata langkah pembaharuan subsidi itu penting bagi mewujudkan asas ekonomi yang kukuh dan mampan sebelum mekanisme seperti cukai karbon boleh dilaksanakan secara berkesan.

"Tahun lalu, kita sudah apungkan harga diesel. Hasilnya, kita lihat perubahan tingkah laku pengguna yang ketara dan positif. Malaysia tidak lagi menjadi tempat untuk seludup bahan api murah.

"Tahun ini kita sasarkan RON95 pula. Apabila gangguan ini dihapuskan, barulah kita ada landasan pasaran yang betul untuk melaksanakan cukai karbon," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel dalam sesi bertajuk Melaksanakan Peralihan Tenaga Malaysia pada Persidangan Energy Asia 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

Sesi itu turut disertai Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir dan Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong. Ia dikendalikan oleh Pengerusi Cypark Resources Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai moderator.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, cukai karbon akan berfungsi sebagai insentif untuk memaksa industri beralih daripada aktiviti pelepasan karbon tinggi kepada penyelesaian hijau, selaras dengan komitmen negara mencapai matlamat sifar bersih.

Namun, katanya, sebelum langkah seperti itu boleh dilaksanakan, kerajaan perlu memastikan struktur asas pasaran berada dalam keadaan stabil dan bebas daripada gangguan subsidi menyeluruh yang selama ini memberi isyarat harga tidak tepat.

"Masih terdapat gangguan yang wujud dalam sistem, misalnya subsidi masih diberikan kepada sektor tenaga dan perkara utama yang kami cuba lakukan ialah mengurangkan subsidi.

"Tidak masuk akal untuk mencukai (karbon) satu pihak dan pada masa yang sama, memberikan subsidi menyeluruh untuk petrol, diesel dan sebagainya.

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan akan memperkenalkan cukai karbon ke atas industri besi dan keluli serta tenaga di Malaysia menjelang 2026 bagi menggalakkan penggunaan teknologi rendah karbon.

Biayai program penyelidikan
Hasil daripada cukai itu akan dimanfaatkan untuk membiayai program penyelidikan dan teknologi hijau.

Sementara itu, Akmal Nasrullah berkata, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memberi jaminan bahawa infrastruktur tenaga negara kekal berdaya tahan dan mampu menampung lonjakan permintaan susulan pertumbuhan pesat pusat data dan teknologi kecerdasan buatan (AI) di negara ini.

"Pusat data dan AI adalah komponen penting dalam ekonomi digital negara, tetapi kita juga perlu bersedia dengan peningkatan mendadak dalam permintaan tenaga.

"Isu ini sering dibangkitkan, dan kita perlu memberi keyakinan kepada rakyat bahawa ia tidak akan menjejaskan bekalan elektrik kepada pengguna biasa," katanya.

Beliau menambah, sebagai langkah awal, Perdana Menteri mengemukakan pelaburan sebanyak RM43 billion dalam tempoh Rancangan Kawal Selia Keempat (RP4) oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB), yang akan digunakan bukan sahaja untuk menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur sedia ada, tetapi juga memastikan grid negara menjadi lebih fleksibel, pintar dan berdaya tahan

Amir Hamzah (kiri), Akmal Nasrullah dan Chin Tong ketika menjadi panel pada sesi bertajuk Melaksanakan Peralihan Tenaga Malaysia pada Persidangan Energy Asia 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)